

PERUTUSAN PENGERUSI

Para Pemegang Saham yang dihormati,

Komitmen Bursa Malaysia untuk “menguatkan organisasi dari dalam”, dicerminkan melalui inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Perubahan struktur, pelaburan dalam teknologi dan modal insan, kerjasama pasaran, dan pendekatan kawal selia yang lebih matang merupakan pendorong utama yang memacu rancangan kami untuk memiliki pasaran yang luas, mudah cair, dinamik dan berdaya saing. Matlamat kami adalah untuk membina sebuah pasaran di mana pelabur mempunyai akses kepada pelbagai produk dan penerbit saham boleh meningkatkan modal dengan mudah dan cekap.

Tahun ini merupakan tahun yang mencabar di peringkat tempatan dan global. Di peringkat makro, ekonomi global berhadapan dengan pelbagai halangan daripada ketegangan perdagangan AS-China, ancaman halangan perdagangan yang semakin meningkat, ketidakpastian yang berlarutan terhadap Brexit dan ditambah lagi dengan ketegangan di Timur Tengah. Di peringkat domestik, kekurangan pemangkin dalam ekonomi tempatan menyaksikan pertumbuhan yang lemah dan pendapatan korporat yang lebih rendah, menjejaskan lagi sentimen pelabur yang tersedia suram.

Walaupun penanda aras FBMKLCI merosot berbanding indeks penanda aras lain di rantau ini, indeks FBM MidS dan Small Cap telah mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh masing-masing sebanyak 32.0% dan 25.4%. Indeks FBM Hijrah Syariah dan Indeks FBM Emas Syariah masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.8% dan 3.9%¹. Pasaran Derivatif melonjak pada suku keempat tahun 2019, disokong oleh ketidakpastian pasaran dan minat terhadap kontrak minyak sawit mentah.

Berlatarbelakang situasi ini, Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad (Lembaga Pengarah) dengan sukacitanya melaporkan bahawa Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) telah mencatat

Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) sebanyak RM185.9 juta. Berdasarkan keputusan ini, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10.4 sen sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bagi tahun ini sebanyak 20.8 sen sesaham.

Memperkuh Peranan Pengawasan

Pada tahun 2019, kami telah melaksanakan rancangan untuk menguatkan Bursa Malaysia dengan matlamat untuk membangunkan pasaran yang menarik dan berdaya saing. Dalam melaksanakan rancangan tersebut, kami sedia maklum akan keperluan untuk meneguhkan misi, visi dan keutamaan kami untuk membuka jalan bagi pertumbuhan yang berdaya tahan dalam dekad baharu ini. Kami juga memperakui bahawa sebagai pengendali pasaran modal, kami perlu lebih fleksibel dan cekap dalam strategi kami agar sentiasa setanding dengan bursa lain. Sepanjang tahun ini, kami terus menyusun keutamaan dalam usaha mengoptimalkan kelebihan yang sedia ada dan meningkatkan keberkesanan organisasi kami – terutamanya dalam proses wajar, budaya kerja, dan pengurusan bakat. Memandangkan keselamatan dan kebajikan kakitangan kami adalah amat diberi keutamaan, kami juga mengambil langkah untuk terus memastikan kakitangan kami sentiasa bersedia untuk mencegah atau mengendalikannya kemungkinan ancaman.

¹ Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019



Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen

Dengan barisan bakat dan kepimpinan terbaik, Lembaga Pengarah mengorak langkah penting pada tahun 2019 untuk membawa Bursa Malaysia sejajar dengan keperluan syarikat yang semakin berkembang. Di samping peranan saya sebagai Pengerusi Bursa Malaysia yang bermula pada 1 Mac 2019, Lembaga Pengarah juga mengalu-alukan Datuk Muhamad Umar Swift sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia yang baharu pada 11 Februari 2019. Ahli Lembaga Pengarah kami yang baharu dilantik, Puan Uji Sherina binti Abdullah dan Profesor Joseph Cherian membawa bersama mereka bidang kepakaran serta pengetahuan khusus di bidang masing-masing dan pengalaman industri, terutamanya dalam bidang transformasi modal insan dan perniagaan derivatif. Ini adalah selaras dengan beberapa keutamaan strategik Bursa Malaysia untuk melangkah ke hadapan. Lantikan tambahan ini juga konsisten dengan keperluan pertumbuhan organisasi dan akan memastikan kami mempunyai kelebihan daya saing di masa hadapan. Bursa Malaysia tetap komited untuk mengelakkan ciri pemikiran berunsur konsensus kumpulan

dalam Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, selain mempunyai anggota Lembaga Pengarah dalam pelbagai bidang kepakaran, Bursa Malaysia mempunyai keanggotaan kaum wanita sebanyak 50% di dalam Lembaga Pengarahnya² dengan pelbagai kecekapan dan kemahiran.

Meningkatkan Model Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah Bursa Malaysia sentiasa menjajarkan prinsip Tadbir Urus Korporat (CG) organisasi ini dengan piawaian di peringkat global. Lembaga Pengarah sentiasa berusaha untuk memastikan Bursa Malaysia mempamerkan standard tadbir urus korporat yang menjadi teladan kepada Syarikat Tersenarai Awam (PLC) lain di Malaysia.

Sehubungan ini, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa setakat 31 Disember 2019, Bursa Malaysia telah mematuhi semua aspek penting dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG). Kami juga menerima pakai kesemua 36 amalan

² Setakat 31 Januari 2020

PERUTUSAN PENERUSI

yang disyorkan dalam MCGG termasuk empat amalan yang dipertingkatkan. Bursa Malaysia juga merupakan PLC pertama yang membolehkan penyertaan pemegang saham dengan pengundian tanpa hadir di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat pada bulan Mac 2019, sejajar dengan Amalan 12.3 MCGG, yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembabitan bersama para pemegang saham kami.

Pada tahun 2019, kami menyemak semula dan meningkatkan Model Tadbir Urus Bursa Malaysia agar diselaraskan dengan visi Kumpulan dan keupayaan dalam menghadapi cabaran. Kesejajaran di antara matlamat dan struktur tadbir urus kami ini adalah penting untuk kami mengharungi persekitaran pasaran modal yang semakin pesat berkembang. Hasrat kami adalah untuk menambah baik pengawasan yang bertanggungjawab serta panduan oleh Lembaga Pengarah, untuk meningkatkan keberkesanan mereka.

Penambahbaikan tersebut termasuk memperhalusi skop bidang kuasa pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta penubuhan dua jawatankuasa dan dua panel perundingan baharu iaitu, Jawatankuasa Teknologi dan Keselamatan Siber, Jawatankuasa Pasaran dan Pembangunan, serta Panel Perundingan Pasaran Sekuriti dan Pasaran Derivatif. Jawatankuasa dan panel perundingan ini bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan Lembaga Pengarah, serta meningkatkan tahap ketelusan keseluruhan organisasi.

Jawatankuasa-jawatankuasa baharu dibentuk untuk memastikan pengelolaan yang mantap dan bimbingan yang berkesan dalam hal-hal penting mengikut bidang kuasanya, di mana anggota Lembaga Pengarah mempunyai kepakaran yang diperlukan. Satu contoh yang baik ialah Dr Reto Gruenfelder yang mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang teknologi baru muncul dan kewangan, telah dilantik pada 1 Disember 2019 sebagai ahli bebas dalam Jawatankuasa Teknologi dan Keselamatan Siber.

Kami turut meningkatkan tadbir urus mengenai hal-hal penamaan dan imbuhan dengan memisahkan keduanya di bawah bidang kuasa jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berlainan. Secara khususnya, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (NRC) telah digantikan dengan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Penamaan (GNC) serta Jawatankuasa Imbuhan (RC) yang baharu. GNC bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan struktur, rangka kerja dan dasar tadbir urus Kumpulan bagi memastikan sumber yang diperlukan oleh

Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah tersedia. RC membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa rangka kerja dan dasar mengenai imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif dan kakitangan Bursa Malaysia serta anak-anak syarikatnya adalah adil, dan dilaksanakan menurut proses yang telus dan bebas. Tahap pengawasan ini semuanya bertujuan untuk memacu prestasi berkualiti dan penciptaan nilai jangka panjang oleh Bursa Malaysia.

Saya juga ingin melaporkan bahawa Model Tadbir Urus kami bagi Pengawalseliaan Peraturan dan Pengurusan Konflik adalah bersamaan dengan model bursa-bursa terkemuka di peringkat antarabangsa seperti New York Stock Exchange (NYSE), Hong Kong Exchanges and Clearing Limited (HKEX) dan Australian Securities Exchange (ASX). Ini jelas membuktikan komitmen kami dalam menerima pakai amalan terbaik semasa dan global untuk menangani kebimbangan konflik yang berpotensi.

Memantapkan Ekosistem Pasaran Modal

Pada tahun 2019, Bursa Malaysia mengambil langkah untuk mengembangkan modal pasaran kami dengan meluaskan kerjasama antarabangsa dan berusaha untuk menarik pelabur baharu. Usaha kami termasuk mengadakan perkongsian strategik baharu bersama syarikat-syarikat berasaskan teknologi, di samping meningkatkan platform kami bagi memenuhi keperluan peserta antarabangsa. Kami melancarkan produk baharu untuk menarik minat segmen dan profil pelabur yang berbeza. Untuk terus menyokong ekosistem pasaran, kami mengadakan kerjasama aktif bersama peserta pasaran menerusi perkongsian kos dalam beberapa aktiviti pembabitan pasaran. Kami juga menyediakan skim insentif untuk membantu usaha menggalakkan kerancakan pasaran.

Kami mempunyai cadangan nilai kepada pelabur global dan tahun 2019, kami telah mengenal pasti bidang tertentu yang akan meluaskan pasaran modal kita. Usaha kami meliputi inisiatif perniagaan dan struktur di mana kami terus bekerjasama erat dengan pihak industri untuk memudahcarakan penyampaian inisiatif kami. Beberapa usaha yang dilaksanakan termasuklah:

Mempercepatkan pertumbuhan dalam perniagaan derivatif melalui usaha untuk mengukuhkan kedudukan Bursa Malaysia sebagai pusat penemuan harga dunia minyak sawit dan pasaran dunia bagi derivatif minyak sawit melalui pengembangan rangkaian penawaran berasaskan minyak sawit



Foto berkumpul bersama mantan Pengerusi Bursa Malaysia – Sesi Bersama Mantan Pengerusi-Pengerusi BSKL/Bursa Malaysia pada 10 Februari 2020 (Dari kiri ke kanan)

Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen, Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, Dato' Nik Mohamed Din bin Datuk Nik Yusoff, and Tan Sri Amirsham bin A Aziz

Memanfaatkan segmen baharu berkembang bagi Pasaran Modal Islam kami melalui penawaran platform dagangan pakar seperti Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) dan Bursa Malaysia-i, untuk terus menarik pelabur tempatan dan global yang mencari pelaburan patuh Syariah

Mengambil langkah utama untuk meningkatkan penawaran produk, contohnya dengan menambah bilangan dan jenis Dana Dagangan Bursa (ETF) yang tersenarai di pasaran kami secara ketara

Peralihan kepada kitaran penyelesaian sekuriti kepada dua hari, yang mengurangkan risiko pihak berkaitan yang lain (*counterparty*), menambah kecekapan operasi, dan meningkatkan harmonisasi global dengan meletakkan Bursa Malaysia setanding dengan bursa serantau dan utama di seluruh dunia

Memperkenalkan Dagangan Besar Dirunding Elektronik (eNLT) pada Disember 2019 di mana peserta dagangan dan penjelasan dalam Pasaran Derivatif boleh mengemukakan dan menerima pesanan NLT dalam talian secara elektronik dengan lebih efisien.

Walaupun kami telah mempergiat usaha kami untuk meningkatkan kerancakan pasaran, kami menyedari wujudnya halangan kepada matlamat ini. Halangan ini termasuklah keperluan untuk menambah baik struktur kos pasaran untuk memastikan kita kekal berdaya saing. Para broker dan peserta pasaran lain berhadapan dengan

kenaikan kos untuk menjalankan perniagaan. Dengan kerjasama erat bersama rakan-rakan broker kami, kami akan berupaya mengenal pasti peluang untuk mengurangkan atau berkongsi kos. Menangani beberapa isu struktur kos dalam pasaran modal, terutamanya dalam kalangan peserta industri, akan menjadi tumpuan pada tahun 2020.

Untuk tahun 2020, Bursa Malaysia juga akan memberi tumpuan kepada inisiatif berikut:

- (a) **Memperkuhkan proses penamaan pengarah dalam penerbit tersenarai** – Jawatankuasa penamaan dalam setiap penerbit tersenarai dikehendaki memastikan bahawa ahli Lembaga Pengarah adalah “layak dan sesuai”, dengan kefahaman yang baik tentang tanggungjawab yang diamanahkan ke atas mereka oleh orang awam dan pemegang saham.
- (b) **Meningkatkan tahap kecekapan setiausaha syarikat** – Ini merupakan aspek penting dalam memastikan amalan tadbir urus yang baik oleh penerbit tersenarai kami. Oleh itu, kami akan meneliti kaedah yang lebih baik untuk memperkasa setiausaha syarikat dalam membantu Lembaga Pengarah dalam mengekalkan tadbir urus yang baik. Antara lain, kami akan mempertimbangkan kerjasama dengan pihak berkepentingan pasaran modal utama lain selain meneruskan usaha sokongan kami.
- (c) **Menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan terhadap impak alam sekitar oleh PLC** – Bagi PLC yang mempunyai operasi atau aktiviti perniagaan yang mungkin menimbulkan risiko atau menyebabkan kesan buruk kepada alam sekitar, kami akan pertimbangkan untuk menambahbaik isi kandungan bagi Penyataan atau Laporan Kelestarian dengan mensyaratkan penerbit

PERUTUSAN PENERUSI

tersenarai untuk mendedahkan strategi, dasar dan proses yang dilaksanakan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus semua risiko dan impak tersebut kepada alam sekitar. Di samping itu, kami akan terus menyediakan panduan dan sokongan terperinci terhadap kelestarian, termasuk aspek alam sekitar.

- (d) **Menggalakkan PLC untuk menjalankan penilaian dan peluang risiko yang berkaitan dengan iklim** – Dengan meningkatkan tumpuan pada perubahan iklim dan impak kewangannya terhadap perniagaan, kami menyaksikan nilai dalam usaha menggalakkan PLC kami untuk menerima pakai secara sukarela pendedahan risiko kewangan berkaitan iklim dengan jelas dan konsisten, agar para pelabur dan pihak berkepentingan berupaya menilai dengan lebih baik, risiko dan peluang yang wujud daripada perubahan iklim dalam Penyataan atau Laporan Kelestarian PLC. Di samping itu, penggalakan maklumat mengenai pendedahan PLC terhadap risiko dan peluang yang berkaitan dengan iklim juga akan meningkatkan lebih kefahaman mengenai risiko iklim dan memudahkan peralihan ke arah ekonomi yang lebih stabil dan mampan di Malaysia.
- (e) **Mempromosi PLC Malaysia melalui saluran yang baharu dan inovatif** – Rancangan tahun 2020 kami termasuk usaha memprofil beberapa PLC melalui pelbagai saluran media. Kandungan menarik dengan mesej yang relevan akan disebarkan untuk memberi gambaran yang lebih baik kepada pelabur berpotensi dan sebagai penghargaan terhadap PLC kami.
- (f) **Menambah penyertaan dan pendidikan runcit** – Kami akan meningkatkan capaian menerusi program khusus dan berkesan melalui kerjasama dengan broker-broker kami untuk memudahkan lebih banyak penyertaan sektor runcit. Banyak usaha telah dilakukan dalam bidang ini, tetapi masih ada lagi ruang untuk membangunkan penyertaan sektor runcit yang lebih luas dalam pasaran modal untuk penciptaan kekayaan, kemakmuran yang dikongsi bersama, dan kerancangan pasaran.



Meningkatkan tahap standard kelestarian korporat dan menangani risiko iklim

Bursa Malaysia terus berusaha untuk meningkatkan standard CG dan kelestarian oleh PLC. Pada tahun 2019, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif yang disasarkan untuk meningkatkan kesedaran dan akauntabiliti Lembaga Pengarah, para Pengarah dan PLC, berhubung tanggungjawab mereka dalam menjalankan tugas mereka dalam bidang tadbir urus dan kelestarian, seperti:

1

Mengambil langkah untuk melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023 (NACP) – Pada Disember 2019, kami telah memperkenalkan pindaan pada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran ACE yang berkaitan dengan langkah-langkah pencegahan rasuah dan pemberian maklumat, yang akan berkuat kuasa dari 1 Jun 2020. Pindaan ini mensyaratkan PLC mewujudkan dasar dan prosedur pencegahan rasuah dan pemberian maklumat yang sewajarnya, yang bertujuan untuk menggalakkan budaya tadbir urus dan tingkah laku beretika yang lebih baik. Pada bulan November 2019, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengumumkan pelan untuk mewujudkan kerjasama pembelajaran untuk mempertingkatkan usaha untuk memerangi rasuah di Malaysia. Inisiatif ini dijangka bermula pada suku kedua tahun 2020.

2

Menyedari risiko akibat perubahan iklim serta kewajipan kami - Usaha kami bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberi penghargaan dalam kalangan PLC berhubung keupayaan tindakan dan keputusan mereka dalam memainkan peranan penting untuk mengurangkan kesan yang tidak dapat dipulihkan atau kerugian daripada ketiadaan usaha ke atas iklim. Oleh itu, di samping pengurusan jejak alam sekitar kita sendiri, Bursa Malaysia berhasrat untuk mempengaruhi pasaran modal untuk mempercepat usaha dalam memenuhi matlamat iklim. Sebahagian daripada peranan kami sebagai bursa saham dan pendokong usaha kelestarian adalah untuk menggalakkan Saranan Pasukan Petugas Berkaitan Pendedahan Kewangan mengenai Iklim (TCFD) sebagai satu kaedah untuk membantu PLC menjamin masa depan perniagaan, meningkatkan kualiti pasaran, memacu modal ke arah pelaburan mampan dan memudahkan peralihan berkesan kepada ekonomi rendah karbon.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah Bursa Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghargaan saya kepada Pengerusi Bursa Malaysia sebelum ini, Tan Sri Amirsham A Aziz, dan ahli Lembaga Pengarah sebelum ini yang telah bersara pada tahun 2019.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para pemegang saham kami atas sokongan berterusan mereka, serta kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Bursa Malaysia, atas komitmen dan iltizam mereka dalam mencapai misi kami. Kami juga berterima kasih kepada para penggubal dasar dalam memudahcarakan persekitaran operasi kami yang stabil dan terjamin, bagi membolehkan kami berusaha untuk mencapai matlamat kami. Kepada rakan-rakan ekosistem dan strategik, kami amat menghargai input dan maklum balas yang berterusan yang diberikan agar Bursa Malaysia mampu untuk terus meningkatkan penawaran khidmat kami dan mewujudkan pasaran yang rancak untuk semua.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Lembaga Pengarah saya atas komitmen dan pandangan mereka yang bernas sepanjang tahun ini. Saya berasa bertuah kerana dapat berkhidmat bersama anda semua dan berharap dapat terus bersama menyumbang bakti pada tahun 2020.



Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen
Pengerusi